

**LEMBAGA TABUNG AMANAH WARISAN
NEGERI TERENGGANU**

JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa bagi yang berkelayakan sahaja bagi memohon jawatan berikut :

Nama Jawatan	:	Pembantu Eksekutif Kewangan W19
Taraf Jawatan	:	Kontrak
Klasifikasi	:	Kewangan
Kumpulan Perkhidmatan	:	Kumpulan Sokongan II

A. BIDANG TUGAS

Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas pengurusan kewangan sepenuh masa di peringkat Kumpulan Sokongan berhubung urusan-urusan kawalan belanjawan, kewangan am, terimaan, perolehan kerajaan, bayaran emolumen, pembayaran, akaun, pelaburan dan pinjaman.

B. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- i. Warganegara Malaysia (keutamaan kepada Rakyat Negeri Terengganu);
- ii. Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- iii. Mempunyai kelayakan sebagaimana berikut :
 - a. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam subjek Matematik, Perdagangan atau Prinsip Perakaunan pada peringkat peperiksaan tersebut.
 - b. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-Kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 - c. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 - d. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- iv. Mempunyai pengalaman sekurang – kurangnya 5 tahun dalam bidang berkaitan.

C. PENETAPAN GAJI PERMULAAN

Gaji permulaan yang lebih tinggi boleh ditetapkan oleh LTAWNT berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

D. TEMPOH KONTRAK

Tempoh tawaran kontrak 1 tahun ATAU tempoh masa yang difikirkan perlu.

E. CARA MEMOHON

1. Syarat – syarat lantikan boleh dimuat turun melalui laman web rasmi Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT).
2. Permohonan hendaklah dimohon secara atas talian di laman web www.ltawnt.gov.my atau mengimbas kod QR di bawah.
3. Pemohon – pemohon yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil temuduga. Permohonan tuan/puan dianggap gagal sekiranya tidak mendapat sebarang jawapan/maklum balas dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh iklan ditutup.

Tarikh Tutup : 16 November 2023

